

29/06/2002

Kelab Wawasan USM sokong pelan peralihan

GEORGETOWN, Jumaat - Kelab Wawasan Universiti Sains Malaysia (USM) yang mewakili pelbagai persatuan pelajar universiti itu, hari ini menyerahkan memorandum sokongan pelan peralihan kepimpinan negara.

Memorandum disampaikan Naib Yang Dipertuanya, Sahizan Tamin, kepada Naib Canselor USM, Datuk Prof Dzukifli Abdul Razak, di Bangunan Canselori USM, dekat sini, petang ini.

Turut menyaksikan penyerahan memorandum itu ialah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Datuk Jamaluddin Mohaidin.

Memorandum itu antara lain menyatakan sokongan padu persatuan dan pelajar USM kepada kepimpinan negara dan akur pada perubahan yang akan berlaku demi agama, bangsa dan negara.

Sokongan itu turut meliputi apa juga tindakan dan proses peralihan yang akan dibuat oleh kepimpinan negara, serta memberi sokongan padu kepada pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Jurucakap kelab itu, Khairul Eurwan Abdul Khalil, berkata memorandum itu juga menyanjung tinggi pengorbanan dan jasa Dr Mahathir dalam melahirkan graduan Melayu dan Bumiputera.

Katanya, mereka berbangga dengan usaha Dr Mahathir mengubah pandangan dunia mengenai Islam dan pada masa sama tidak menafikan kebebasan beragama untuk warga negara yang lain.

Sementara itu, Dzukifli berkata, pihak universiti akan menghantar memorandum berkenaan ke Pejabat Perdana Menteri, esok.

(END)